

Penjelasan Mengenai Visa Menunaikan Fardu Haji

Dalam keluaran Qalam yang lalu, pada muka 9 ada ditulis rencana berkenaan dengan “Kesulitan Haji Ditimbulkan Di Singapura” iaitu rencana yang terbit daripada sungutan-sungutan yang timbul daripada orang-orang yang hendak menunaikan fardu haji di atas langkah-langkah yang dikatakan terbitnya daripada Konsul Agung ‘Arabiyyah Sa‘udiyah di Singapura yang tidak mahu memberi visa bagi orang-orang yang hendak belayar menggunakan kapal laut atau kapal terbang yang dipajak untuk membawa penumpang-penumpang di Singapura dan Malaysia yang menuju ke Jeddah jika tidak mereka membawa tiket-tiketnya – sekalipun mereka ada membawa surat akuan dari wakil-wakil kapal atau pemajak-pemajak kapal yang akan belayar ke Jeddah membawa orang-orang haji.

Terbit daripada ini kita telah diberi penjelasan oleh Yang Mulia Syeikh Abu Bakar bin Abbas al-Rāfi‘, dari Pejabat Kedutaan ‘Arabiyyah Sa‘udiyah di Kuala Lumpur, iaitu penjelasan-penjelasan yang sepatutnya diberikan kepada orang-orang yang meminta visa yang datang ke pejabat konsulnya di Singapura supaya jangan menimbulkan perkara-perkara yang menerbitkan salah faham dan salah sangka serta tidak bertimbang rasa. Kedatangan mereka itu sepatutnya janganlah ditolak begitu sahaja tetapi dalam melakukan penolakan itu diberilah penjelasan-penjelasan yang memuaskan supaya mereka tidak terasa atau tidak tersinggung perasaan mereka bahawa dalam masa mereka akan menunaikan fardu haji diadakan sekatan-sekatan yang tidak wajarnya.

Menurut yang dijelaskan bahawa Kedutaan ‘Arabiyyah Sa‘udiyah di mana-mana mereka berada diperintahkan tidak akan memberi visa kepada orang-orang yang bakal naik haji yang tidak membawa tiket kapal terbangnya ataupun surat akuan yang ia bakal diberi tiket kapal terbang oleh syarikat kapal terbang itu sendiri, yang bakal ditumpangnya, yang termasuk di dalam golongan kapal terbang yang terikat di dalam Ikatan Bangsa-bangsa.

Akuan-akuan yang diberi oleh agensi-agensi bagi kapal terbang atau kapal tidak diterima kerana akuan-akuan itu

tidak dapat dipertanggungjawabkan pada masa-masa kemudiannya. Kerana itu akuan-akuan dari *travel agency*, wakil-wakil penjual tiket kapal atau kapal terbang, tidak dapat menjamin yang ia akan diberi visa di dalam pasportnya kerana jika terjadi sesuatu ke atas jemaah haji agensi-agensi itu tidak dapat bertanggungjawab.

Sebab-sebab perintah ini dikeluarkan oleh Kementerian Luar Negeri ‘Arabiyyah Sa‘udiyah kerana telah berlaku perkara-perkara yang menyusahkan kerajaan itu di kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘udiyah sendiri di dalam mana orang-orang haji telah pernah datang dengan kapal terbang yang *dicharter* atau dipajak, tetapi apabila kapal terbang itu tidak termasuk di dalam kapal terbang internasional, kapal terbang itu pernah enggan mengambil jemaah yang dihantarnya kerana mereka merasa rugi atau seumpamanya dan dengan kerana itu orang haji itu terlantar di sana dan apabila hendak dipulangkan, kedutaan-kedutaan mereka tidak mahu bertanggungjawab di atas perbelanjaan mereka dan kerana itulah pernah kerajaan Saudi terpaksa membayar tambang-tambang orang itu pulang. Begitu juga dengan keadaan kapal, kerana kapal-kapal yang dipajak itu tidak di dalam lingkungan internasional, (Ikatan Internasional) maka mungkin kapal itu tidak datang mengambilnya dan tidak

– Sambungan di muka 38 –